



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ حَالِ الْاَهْوَالِ الْاِسلامِيَّةِ نِجَري سَابَا

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

10 REJAB 1446H / 10 JANUARI 2025M

**“PERKHIDMATAN PANTAS, TANGKAS, DAN DINAMIK:
KUNCI KEMAJUAN ORGANISASI”**

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

قَالَ يَقُومُ أَرَعَيْتُمْ إِنْ كُنْتُ عَلَى بَيْنَةٍ مِّن رَّبِّي وَرَزَقَنِي مِنْهُ رِزْقًا حَسَنًا وَمَا أُرِيدُ أَنْ أُخَالِفَكُم إِلَىٰ مَا أَنْهَكُم عَنْهُ إِنْ أُرِيدُ إِلَّا الْإِصْلَاحَ مَا اسْتَطَعْتُ وَمَا تَوْفِيقِي إِلَّا بِاللَّهِ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَإِلَيْهِ أُنِيبُ ﴿٨٨﴾ (هود: 88)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَىٰ حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

HADIRIN JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH

Marilah kita memanfaatkan sisa-sisa hidup yang masih berbaki ini agar terus istiqomah meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh mengerjakan segala perkara yang disuruh dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk **“Perkhidmatan Pantas, Tangkas, dan Dinamik: Kunci Kemajuan Organisasi”**.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN

Sejajar dengan pesan yang sering dititipkan kepada kita supaya memperbanyakkan amal ibadah seolah-olah kita akan mati esok hari dan berusaha mencapai kemakmuran dunia seolah-olah kita akan hidup seribu tahun lagi. Maka, dalam kerangka menelusuri tahun baharu, sudah semestinya kita berusaha untuk memperbaiki segala kelemahan atau kekurangan yang ada sekali gus melakukan penambahbaikan dalam setiap dimensi kehidupan.

Dengan hal yang demikian, siapapun kita sama ada pekerja sektor awam, swasta ataupun berkerja sendiri harus mempunyai iltizam yang kuat untuk meningkatkan prestasi kerja dengan dilandasi keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT. Ini penting kerana dalam era globalisasi dan teknologi yang pesat, kecekapan dalam perkhidmatan memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan individu mahupun sesebuah organisasi, syarikat dan institusi. Tambahan pula budaya kerja cemerlang sangat dianjurkan oleh Islam sejajar dengan mafhum sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh al-Baihaqi: *“Sesungguhnya Allah sangat suka (bahkan cinta) jika seseorang daripada kamu, melakukan kerja, maka dia bekerja dengan tekun.”*

Sehubungan itu, perlu kita semua sedari bahawa konsep perkhidmatan yang pantas, tangkas, dan dinamik semakin menjadi faktor utama dalam memastikan daya saing dan kemajuan berterusan. Sama ada dalam sektor ekonomi, pendidikan, kesihatan, mahupun perkhidmatan awam, kemajuan ini bukan sahaja memberikan kepuasan kepada masyarakat selaku pengguna atau pelanggan, tetapi ia juga akan meningkatkan produktiviti, ketelusan, dan prestasi secara keseluruhan.

PARA JEMAAH YANG DIKASIHI ALLAH

Perkhidmatan pantas merujuk kepada keupayaan sesebuah organisasi untuk memberikan respon dan tindakan yang cepat terhadap keperluan pelanggan atau pengguna. Dalam dunia yang serba pantas ini, pengguna sering mengharapkan penyelesaian yang segera dan tepat pada waktunya. Kepantasan dalam perkhidmatan bukan sahaja meningkatkan kepuasan pengguna, tetapi juga mengurangkan kos yang berkaitan dengan kelewatan dan masalah.

Seiringan dengan tuntutan itu, ketangkasan juga menjadi faktor kritikal dalam memastikan kemajuan berterusan. Tangkas bermaksud organisasi sentiasa bersedia untuk menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi, permintaan pasaran, dan cabaran baru. Maka, pendekatan perkhidmatan yang tangkas melibatkan keupayaan untuk bertindak balas dengan cepat terhadap maklum balas pelanggan, menyesuaikan produk atau perkhidmatan mengikut keperluan semasa, serta memperkenalkan inovasi baharu tanpa menjejaskan kualiti.

Dalam sektor awam misalnya, ketangkasan perkhidmatan dapat dilihat melalui inovasi dalam penyampaian perkhidmatan seperti sistem e-kerajaan (e-government). Dengan adanya platform digital yang dinamik, proses pentadbiran menjadi lebih cekap dan fleksibel, membolehkan masyarakat mendapatkan perkhidmatan tanpa perlu menunggu lama atau terikat dengan waktu operasi tradisional.

SAUDARA MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SWT

Sementara itu, perkhidmatan yang dinamik bermaksud sentiasa berkembang dan berubah mengikut kehendak semasa. Dinamik merujuk

kepada kemampuan organisasi untuk mengekalkan momentum inovasi dan terus memperkenalkan pendekatan baharu yang dapat memberi manfaat kepada pengguna dan organisasi itu sendiri.

Penggunaan teknologi seperti kecerdasan buatan (AI) dan automasi dalam perkhidmatan merupakan contoh bagaimana perkhidmatan boleh menjadi lebih dinamik dalam memenuhi kehendak pelanggan secara lebih efisien.

Dalam sektor pendidikan sebagai contoh, institusi yang dinamik menggunakan platform pembelajaran dalam talian yang membolehkan pelajar mengakses bahan pembelajaran dari mana-mana sahaja, pada bila-bila masa. Ini memberikan fleksibiliti dan memperkasa pelajar untuk belajar mengikut kadar dan masa mereka sendiri.

Jadi, perkhidmatan pantas, tangkas, dan dinamik saling berkait rapat dalam memastikan kejayaan dan kemajuan sesebuah organisasi. Untuk mencapai kemajuan yang berterusan, organisasi perlu mengintegrasikan ketiga-tiga elemen ini secara harmoni. Kecekapan masa (pantas), keupayaan untuk beradaptasi (tangkas), dan inovasi yang berterusan (dinamik) adalah kombinasi yang ideal dalam membentuk perkhidmatan yang unggul.

JEMAAH JUMAAT YANG BUDIMAN

Bagi menyimpul khutbah pada hari yang mulia ini, sayugia ditegaskan bahawa sesungguhnya perkhidmatan pantas, tangkas, dan dinamik bukan sahaja menjadi kunci kepada kemajuan sesebuah organisasi, tetapi juga mencerminkan tahap profesionalisme dan kesediaan untuk bersaing dalam pasaran global. Dengan menerapkan pendekatan ini,

syarikat, institusi, dan sektor awam boleh mencapai kemajuan yang lebih bermakna, membawa kebaikan bukan sahaja kepada diri sendiri, tetapi juga kepada organisasi, masyarakat dan negara.

Sehubungan itu para jemaah sekalian, marilah kita jadikan firman Allah SWT menerusi surah Luqman ayat 22 sebagai pedoman serta motivasi dalam kerangka memberikan perkhidmatan yang pantas, tangkas dan dinamik. Firman Allah SWT;

وَمَنْ يُسْلِمْ وَجْهَهُ إِلَى اللَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَىٰ وَإِلَى اللَّهِ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ ﴿٢٢﴾

Maksudnya: *“Dan sesiapa yang berserah diri bulat-bulat kepada Allah (dengan ikhlas) sedang dia berusaha mengerjakan kebaikan, maka sesungguhnya dia telah berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh; dan (ingatlah) kepada Allah jualah kesudahan segala urusan.”*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَكَذَلِكَ عَلَى فَخَامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوَتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ أَمْنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara-saudara kami yang tertindas di bumi barakah khususnya Palestin, kasihanilah mereka dan limpahkan gugusan Rahmat-mu ke atas mereka.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami, negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji. Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Hubungi [088-522127/](tel:088-522127) jheains.penerbitan@gmail.com untuk sebarang pertanyaan/ maklumat lanjut.